

# Jenama Aminah Hassan tetap gah seantero dunia

B.M 6/9/09 MIS 35

## Syarikat pengeluar sos cili Melayu pertama kekal hak milik keluarga

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
dan Nor Hatina Shuib

bminggu@bharian.com.my

JIKA menyebut nama Aminah Othman, sudah pasti ramai yang tidak mengenalinya. Maklumlah, ratusan ribu rakyat Malaysia yang mempunyai nama sama.

Namun, jika menyebut Aminah Hassan, perkara pertama akan terbayang ialah sos cili yang lazat dan menjadi sebahagian daripada makanan kebanyakan rakyat Malaysia.

Bukan sekadar dimakan bersama mi goreng atau menjadi bahan cich keropok ikan atau jemput-jemput bawang, yang penting, ia adalah produk halal keluaran sebuah syarikat perusahaan keluarga.

Pada jam 9.10 pagi 2 September lalu, Aminah berusia 76 tahun menghembuskan nafas terakhir di sisi ahli keluarganya di rumah anak kelimanya, Mohd Ayub Hassan, 52, di Shah Alam.

Bagaimanapun, pemergian pengasas perniagaan sos dan kicap terkenal itu, meninggalkan warisan, satu jenama yang bukan saja terkenal di negara ini, malah na-

Selepas memulakan perusahaan secara besar-besaran, Mohd Ayub mula mencari peluang untuk memasarkan produk Aminah Hassan ke pasar raya dan bukan sekadar di kedai runcit.

Aminah Hassan adalah jenama keluaran syarikat Melayu pertama dijual di pasar raya di negara ini, walaupun bukan mudah untuk meyakinkan pengusaha pasar raya agar menjual produk keluaran syarikat Melayu.

Mohd Ayub pertama kali mempromosikan produk keluaran syarikat keluarganya di Pasar Raya Fitzpatrick di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur dan dugaannya bukan sedikit.

"Ketika saya nak buat temu janji dengan pegawai pembelian syarikat itu, dia tidak mahu membuat temu janji dengan saya dan apabila dapat menemui pegawai itu, sampel produk pun dia tidak mahu saya tinggalkan.

"Akhir sekali, mungkin dia bosan tengok muka saya agaknya sebab saya terus kejar dia, dia kata dia tidak yakin dengan produk Bumi-putera.

"Saya cabar dia, saya kata kita lain daripada Melayu lain. Selepas itu dia hanya buat tempahan se-



ALLAHYARHAM Aminah bersama produk Aminah Hassan.

nya di negara ini, maka ia hanya gag sehingga ke bena Ero-pah, Australia dan Amerika serta di Asia Barat.

Mohd Ayub yang juga Pengurus Besar Amisan Products (M) Sdn Bhd (Amisan Products), syarikat pengeluar sos jenama Aminah Hassan, berkata perusahaan keluarga itu bermula ketika mereka sekeluarga menetap di Kampung Merdeka, Batu Pahat, Johor.

Perusahaan dimulakan kedua-ibunya dengan menggunakan jenama Aminah Hassan iaitu gabungan nama Aminah dan nama bapanya, Hassan Abu Bakar, pada 1963.

"Pada mulanya perniagaan itu bermula dengan jiran, tetapi selepas mendapat galakan jiran yang mengatakan sos itu sedap, beliau mula mengusahakan secara komersial di Batu Pahat.

"Kami sekeluarga berpindah dari Batu Pahat ke Klang pada 1968 dan ketika itulah kami kembangkan perusahaan dengan menjualnya di kedai kerana pasaran di Kuala Lumpur agak bagus," katanya.

Kematian Hassan pada 1973 ketika berusia 47 tahun menyebabkan Aminah meneruskan perusahaan keluarga itu dari belakang rumah dengan bantuan anak-anaknya.

Namun, perusahaan kecil-kecilan itu mula berkembang selepas Mohd Ayub menamatkan pengajian dalam jurusan pentadbiran perniagaan di Institut Teknologi Mara (kini Universiti Teknologi Mara) pada 1979 dan menceburi perusahaan keluarga itu.

Perusahaan itu dipindahkan ke kilang di Jalan Kapar dan perusahaan itu didaftarkan sebagai syarikat persendirian.

itu dan hanya satu tempahan sebanyak satu kotak saja, tetapi tidak sampai sehari dia membuat tempahan baru," katanya.

Selepas berjaya menempatkan barangannya di Fitzpatriks, Mohd Ayub menembusi pasar raya lain, termasuk Jaya Supermarket.

Malah, apa yang membanggakannya, jenama Aminah Hassan ialah jenama keluaran syarikat Melayu yang memasuki pasar raya di negara ini tanpa bantuan kerajaan, sebaliknya atas inisiatif sendiri.

Kini Aminah Hassan bukan se-kadar sos cili dan sos tomato serta kicap, Amisan Products sudah mengeluarkan hampir 20 jenis sos termasuk sos kacang, sos tiram, sos sate serta sos lada hitam, yang kebanyakannya untuk pasaran eksport.

Namun, sebahagian besar pasaran Aminah Hassan iaitu kira-kira 75 peratus dalam negara, manakala



25 peratus lagi, pasaran luar negara.

Aminah Hassan turut menerima pelbagai anugerah dan seperti pengeluar makanan lain di negara ini, Aminah Hassan juga tidak terlepas daripada perbuatan dengki dan fitnah pesaing yang tidak menyenangi kejayaan syarikat itu.

Dakwaan dan fitnah yang mengatakan syarikat itu sudah dimiliki bukan Islam sering tersebar sejak lebih dua dekad lalu.

"Setakat ini perusahaan ini masih dimiliki 100 peratus oleh keluarga Aminah dan Hassan dan 100 peratus milik Melayu. Dakwaan yang syarikat ini sudah dijual tidak benar.

"Saya tidak dapat nafikan ia mungkin taktik pesaing. Tapi kita masih kekalkan syarikat ini 100 milik keluarga," katanya.

Beliau berkata, apa yang menye-

**“** Pada mulanya perniagaan itu bermula dengan jiran tetapi selepas mendapat galakan jiran yang mengatakan sos itu sedap, beliau mula mengusahakan secara komersial di Batu Pahat”

**Mohd Ayub Hassan**  
Pengurus Besar Amisan Products (M) Sdn Bhd

dikan, mereka yang memfitnah dan memburukkan jenama Aminah Hassan terdiri daripada masyarakat Melayu sendiri.

Katanya, khabar angin seperti itu sering dinafikan termasuk melalui akhbar dan siaran televisyen, tetapi ia masih disebarkan.

"Ibu saya adalah wanita yang kuat. Kadang-kadang beliau akan marah orang yang menyebarkan khabar angin itu. Katanya kalau tidak percaya datanglah ke kilang untuk melihat sendiri.

"Tidak semestinya, kita di kilang milik 100 peratus Melayu tidak boleh ada pekerja bukan Islam dalam kilang. Mungkin ada satu dua pekerja India dan Cina, mereka menganggap ia dimiliki bukan Islam," katanya.

Selain Mohd Ayub, dua lagi adik beradiknya iaitu kakaknya, Faridah, 58, dan adiknya, Nooriah, 45, turut terbabit dengan perusahaan keluarga, manakala yang lain iaitu abang sulung, Datuk Mohd Amin, 59, dan Datuk Mohd Taib, 56, mempunyai perniagaan sendiri.

Tiga lagi adik beradik perempuannya, iaitu Nooraini, 53, Noorilah, 50 dan Noorlinda, 44, bekerja dengan firma swasta.

Menceritakan perwatakan Allahyarham Aminah, sepanjang bergelar menantu kepada usahawan wanita terkenal ini, isteri Mohd Ayub, Yasmin Hanim Arbee, 51, menganggap ibu mentuanya adalah ibu yang paling baik serta sahabat yang sentiasa mahu berkongsi masalah hidup.

Satu frasa keramat yang sentiasa menjadi pesanan ibu mentuanya ialah 'jangan mudah mendengar fitnah orang jika kita sendiri tidak

atau hujung pangkalnya' dan nasihat itu sentiasa menjadi pedoman hidupnya.

Yasmin berkata, beliau sering mendengar sendiri peniaga mahu-pun pengguna yang mendakwa Aminah Hassan sudah dimiliki bukan Islam, sehingga ada yang mendakwa perniagaan lain yang dijalankan seperti sebuah stesen minyak berdekatan rumah mereka, juga sudah dimiliki bukan Melayu.

"Saya pernah membeli sayur di pasar di Seksyen 6 dan ketika membeli keropok lekor di sebuah gerai, penjual di situ menyarankan saya membeli sos jenama pesaing kerana mendakwa jenama Aminah Hassan adalah keluaran bukan Islam.

"Mendengar kata-katanya, saya tidak memperkenalkan diri sebagai menantu kepada Aminah, sebaliknya hanya mengatakan saya kenal kak Minah (Aminah), tetapi penjual itu tetap bertegas mengatakan jenama itu bukan perusahaan Melayu.

"Satu perkara yang saya akan ingat ialah ibu mentua saya akan berkata 'Aku tebang hutan rimba, takkan aku hendak beri pada orang pula' apabila mendengar orang memfitnah hasil usahanya," katanya.

Yasmin turut mengakui bahawa ibu mentuanya itu pandai memasak, termasuk masakan Melayu dan Barat, dan memang menjadi kegemaran beliau untuk memasak makanan kepada anak dan saudaramaranya.

Katanya, selain itu, Aminah kuat beribadat dan sentiasa melakukan solat sunat tengah malam.